

Baca petikan di bawah ini dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Hutan merupakan khazanah semula jadi ciptaan Tuhan yang amat bernilai. Oleh itu, wajarlah hutan dipelihara agar manusia memperoleh faedahnya. Hutan memainkan peranan penting dalam kehidupan manusia. Sebanyak 65 peratus daripada bumi negara kita diliputi oleh hutan. Kini, fungsi hutan tidak terbatas pada sektor pembalakan, malah hutan dilihat mampu memberikan *pulangan yang lumayan* dalam pelbagai bidang industri yang lain.

Hutan membekalkan kayu balak yang amat berharga dan menjadi sumber ekonomi negara. Kayu-kayan amat penting dalam industri perabot dan digunakan untuk membuat rumah. Selain itu, di dalam hutan terdapat tumbuh-tumbuhan yang boleh dijadikan herba untuk digunakan dalam bidang perubatan. Tumbuh-tumbuhan hutan ini jika diproses dapat dijadikan ubat untuk menyembuhkan penyakit.

Pada masa yang sama, hutan juga merupakan kawasan tadahan hujan yang amat penting kepada manusia. Dengan adanya hutan, kejadian hakisan tanah dan tanah runtuh dapat dihindari. Hal ini sudah tentu dapat memelihara alam sekitar daripada tercemar. Seterusnya, hutan berperanan untuk mengekalkan ekosistem alam yang dapat mengurangkan kadar kepanasan dan mengawal suhu.

Bagi pencinta alam atau mereka yang suka akan keindahan alam sekitar, hutan merupakan tempat untuk berekreasi dan beriadah yang paling baik. Maka, tidak hairanlah jika kawasan tanah tinggi sering menjadi tumpuan para pelancong sama ada dari dalam dan luar negara. Hutan di kawasan tanah tinggi juga menjadi kawasan tadahan air. Dari sinilah kita memperoleh sumber air bagi melangsungkan kehidupan. Sumber air ini juga digunakan untuk menjana tenaga hidroelektrik.

Setiap manusia bertanggungjawab untuk menjaga hutan agar manfaatnya dapat dirasakan oleh generasi akan datang. Kemusnahan hutan melambangkan kerakusan manusia yang mendorong kepada kemusnahan manusia sendiri.

1. Apakah maksud frasa *pulangan yang lumayan*?

- A Pendapatan yang tinggi
- B Hasil yang banyak sekali
- C Perolehan yang sederhana
- D Keuntungan yang tidak disangka-sangka

2. Mengapakah kawasan hutan tanah tinggi penting kepada manusia?

- A Membekalkan kayu balak yang amat berharga
- B Menjadi tempat untuk berekreasi dan beriadah
- C Memberikan pulangan yang lumayan dalam pelbagai bidang industri
- D Mempunyai tumbuhan herba yang digunakan dalam bidang perubatan

3. Semua yang berikut ialah peranan manusia untuk mengekalkan kelestarian hutan, **kecuali**

- A mengharamkan aktiviti pembalakan.
- B mewartakan lebih banyak hutan sebagai hutan simpan.
- C menebang hutan untuk mewujudkan kawasan rekreasi dan riadah.
- D menanam pokok-pokok semula di kawasan yang terlibat dengan aktiviti pembalakan.

4. Pada pendapat anda, apakah punca berlakunya kemusnahan hutan? **KBAT** *Maailu*

- A Kegiatan pembalakan haram yang berleluasa
- B Masyarakat didedahkan tentang kepelbagaian khazanah semula jadi
- C Masyarakat kurang sedar akan kepentingan hutan kepada kehidupan
- D Penguatkuasaan undang-undang hutan simpan kekal dilaksanakan dengan berkesan

Baca petikan di bawah ini dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Kesihatan sangat penting kepada diri sendiri, keluarga, dan masyarakat. Kehidupan yang sihat hanya diperoleh jika kita mengamalkan penjagaan kesihatan. Aspek-aspek kesihatan yang perlu dijaga ialah kesihatan fizikal, kesihatan mental dan emosi, serta kesihatan sosial. Semua aspek ini perlu diberikan perhatian.

Kesihatan fizikal amat penting dan harus diutamakan. Kesihatan fizikal membolehkan kita melakukan pelbagai aktiviti tanpa halangan. Dengan kesihatan yang baik, kita tidak akan mudah dijangkiti penyakit di samping pertumbuhan tubuh tidak terganggu. Kita juga dapat belajar, bekerja, dan beriadah dengan selesa.

Individu yang sihat mental dan emosinya sentiasa berada dalam keadaan tenang. Dengan perkataan yang lain, seseorang itu tidak akan cepat marah, mudah mengeluarkan pendapat, serta dapat menerima pengetahuan dengan sempurna apabila emosi mereka sihat dan stabil.

Kesihatan sosial perlu ada dalam diri kita kerana sebagai anggota masyarakat, kita perlu berinteraksi antara satu sama lain. Apabila aspek sosial kita dalam keadaan yang baik, kita akan diterima oleh masyarakat. Kita tidak akan berasa sunyi kerana banyak mempunyai kawan. Di samping itu, kita akan berasa lebih bertanggungjawab, bertimbang rasa, dan saling memahami.

Kita harus sedar bahawa amalan pemakanan yang baik akan memastikan kita bertenaga selain membina tubuh dan memelihara kesihatan. Tisu badan yang rosak juga dapat dibaiki. Hal ini dapat meningkatkan kecergasan fizikal. Kesihatan diri juga dapat menjamin kita bebas daripada jangkitan penyakit selain bebas daripada bau yang tidak menyenangkan, dan sebagainya. Senaman dan beriadah pula dapat menyihatkan badan dan fikiran apabila kita dapat memecahkan lemak dan membuang bahan toksik dari dalam badan melalui perpeluhan selain membolehkan kita merehatkan fikiran. Rehat dan tidur yang cukup mengelakkan kita daripada berasa letih, tertekan, dan sebagainya.

Sekiranya kita tidak memberikan perhatian terhadap penjagaan kesihatan, kita akan banyak menghadapi masalah. Kita akan mudah dijangkiti penyakit, *mengalami kemurungan*, tertekan, dan bersikap memencilkan diri. Keadaan ini seterusnya mengundang pelbagai masalah kepada diri, keluarga, dan masyarakat.

1. Apakah maksud frasa *mengalami kemurungan*?
A Berasa tertekan
B Berasa tidak meriah
C Menjadi kesuraman
D Menghadapi kemuraman
2. Kita boleh melakukan pelbagai aktiviti tanpa halangan sekiranya kita sihat dari segi
A emosi. C fizikal.
B sosial. D mental.
3. Semua yang berikut ialah kebaikan amalan pemakanan yang sihat, **kecuali**
A dapat mengelakkan jangkitan penyakit.
B dapat membaiki tisu badan yang rosak.
C dapat meningkatkan kecergasan fizikal.
D dapat menjadikan bau badan tidak menyenangkan.
4. Pada pendapat anda, bagaimanakah cara menghindari masalah kemurungan? **KBAT Manti**
A Menyimpan setiap masalah dalam hati
B Menghadapi setiap masalah dengan tenang
C Meluangkan masa bersama-sama rakan sebaya
D Meminta rakan-rakan turut sama menanggung masalah yang kita hadapi

Baca petikan di bawah ini dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Kumpulan perbincangan merupakan suatu kumpulan kecil individu yang ditubuhkan untuk membincangkan dan bertukar-tukar pendapat tentang perkara-perkara tertentu bagi kepentingan anggota kumpulan tersebut. Aktiviti ini dianggap suatu tradisi meningkatkan ilmu jika perbincangan itu dijalankan secara berkekalan.

Dalam proses memahami bahan-bahan yang kita peroleh daripada buku atau kuliah untuk disusun dalam bentuk lebih kemas, kita memerlukan perbincangan. Kerap kali kita mempunyai pecahan-pecahan ilmu yang terasing atau bahan yang berselerak dan kita tidak dapat mengaitkannya dengan konteks yang sebenarnya. Mungkin pecahan-pecahan yang kita miliki tidak cukup untuk kita kaitkan dan sambungkan sebagai suatu *kesatuan yang jitu*.

Kita memerlukan orang lain untuk memberikan pecahan-pecahan yang tidak kita miliki itu dan menyusunnya sebagaimana isi kandungan itu seharusnya disusun. Tugas itu memerlukan perkongsian pendapat dengan rakan-rakan atau orang yang sama-sama mahu mendapatkan pengetahuan tersebut. Jika perbincangan itu disertai oleh orang yang lebih mahir dan pakar, kesan perbincangan itu lebih bermakna.

Apabila kita bekerja dengan orang lain, kadar kepantasan kita akan meningkat. Hal ini demikian kerana, adanya unsur-unsur persaingan dan tentulah kita mahu mengemukakan pendapat yang terbaik dan sumbangan yang bermanfaat kepada kumpulan. Dengan demikian, kita akan membuat persediaan awal yang bersungguh-sungguh untuk menjayakan perbincangan itu.

Namun begitu, kumpulan perbincangan itu ada juga keburukannya. Bagi sesuatu perkara yang rumit dan memerlukan kebolehan intelektual, perbincangan lebih banyak memberikan gangguan dan akhirnya objektif pembelajaran tidak tercapai.

1. Apakah maksud frasa *kesatuan yang jitu*?
 - A Unit yang tepat
 - B Unit yang hebat
 - C Kumpulan yang baik
 - D Kumpulan yang hampir
2. Kebaikan belajar secara berkumpulan ialah
 - A kita boleh berkongsi ilmu dan maklumat secara perbincangan.
 - B kita boleh bersaing untuk menunjukkan kehebatan masing-masing.
 - C kita boleh bertegas supaya murid-murid lain menerima pendapat kita.
 - D kita boleh berharap kepada murid yang bijak untuk menguasai sesuatu hal.
3. Berdasarkan petikan, apakah keburukan belajar secara berkumpulan?
 - A Berbual-bual kosong antara satu sama lain semasa belajar
 - B Masing-masing menunjukkan kepandaian masing-masing
 - C Murid tidak membuat persediaan sebelum memulakan sesi pembelajaran dalam kumpulan
 - D Terlalu banyak perbincangan tentang sesuatu perkara yang rumit sehingga mengganggu proses pembelajaran
4. Pada pendapat anda, bagaimanakah cara meyakinkan murid-murid tentang kebaikan belajar secara berkumpulan? *KBAT Manti*
 - A Murid yang berjaya menggunakan kaedah ini dijadikan murid contoh
 - B Ibu bapa membantu murid-murid semasa proses pembelajaran diadakan
 - C Guru meminta murid yang bijak mengajar rakan-rakan lain dalam kumpulan
 - D Murid-murid diminta untuk merasai pengalaman belajar secara berkumpulan sendiri